




# AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 24 RABU 14 JUN, 1967. ١٤ جون ١٣٨٧ رابع ٦ PERCHUMA



Gambar atas, Yang Teramat Pesurohjaya Tinggi British, Awg. F. D. Webber sedang mengaklongkan bintang C.B.E. kapada Yang Berhormat, Dato Setia Awang John Lee.

Gambar kanan menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan (duduk di-tengah); Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara (di-kanan sekali); Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof (No. 3 dari kiri); Pemangku Setia Usaha Kerajaan (No. 2 dari kiri) dan di-kiri sekali ia-lah Pesurohjaya Pulis Di-Raja Brunei, ketika hadir di-upachara perbarisan hari keputeraan Baginda Queen.

## Sambutan hari keputeraan Baginda Queen

**BANDAR BRUNEI.** — Yang Teramat Pesurohjaya Tinggi British Awang F. D. Webber dan Puan Webber telah meraikan Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, orang2 kenamaan di-negeri ini, serta orang ramai di-satu majlis sambutan yang telah di-adakan di-halaman tempat kediaman Pesurohjaya Tinggi itu di-Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Majlis sambutan itu ia-lah kerana merayakan Hari Keputeraan rasmi Baginda Queen.

Di-sabelah pagi hari tersebut, Pesurohjaya Tinggi itu telah memereksa satu upacara perbarisan hari keputeraan Baginda Queen yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Brunei, berhadapan dengan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Pasukan Kedua dari battalion pertama askar Gurkha Rifles King Edward yang ketujuh telah mendahului perba-

risan itu yang mengandungi Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasukan Pulis Di-Raja Brunei, unit dari Pasukan Tembak Meriam Pulis untuk memberikan tembakan penghormatan dan Pasukan2 pancharam Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pulis Di-Raja Brunei.

Kumpulan2 dari Jabatan Laut, Kastam, pasukan Bomber, pertubuhan Palang Merah, Pengakap dan Pandu Puteri dan Boys Brigade telah turut berbaris di-bahagian belakang dalam perbarisan itu.

Kanak2 sekolah telah berhimpun di-sakeliling padang.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British yang telah membalaik tabek kehormatan dari sa-buah pentas, diapit oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Pemangku Menteri Besar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara serta Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

Dalam upacara perbarisan itu, Tuan Yang Terutama telah mengurniakan Pegawai Kewangan Negara Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee dengan bintang kebesaran "Commander of the British Empire".

Sa-orang lagi dalam senarai kehormatan hari keputeraan itu ia-lah dari Brunei. Beliau ia-lah Penolong Pengusa Pulis Awang Chua Kong Leng yang telah di-anugerahkan dengan Pingat Pulis Jajahan oleh Baginda Queen.



# JAMBATAN SUNGAI BELAIT SIAP DUA BULAN LAGI

**KUALA BELAIT** — Sa-buah jambatan jalan raya yang menyberangi sungai Belait di-Bukit Puan tidak akan di-buka untok lalu lintas sa-hingga jalan raya telah siap di-bena.

Jambatan sa-panjang 340 kaki itu ada-lah sa-bahagian dari projek jalan raya daerah Belait yang panjang-nya 14 batu untuk menghubungkan Kuala Belait — ibu kota daerah itu dengan Ulu Belait. Ia-nya akan di-siapkan dalam masa dua bulan.

## JAMINAN

Jambatan yang menelan belanja sa-banyak kira2 \$600,000.00 itu telah di-bena 14 kaki lebuh tinggi dari paras ayer biasa di-sungai tersebut.

Ini akan menjamin bahawa jambatan itu boleh di-gunakan pada bila2 masa walau pun sa-masa banjir.

Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Hj. Ismail berkata jalan raya yang baru itu akan memberikan kemudahan dan faedah kapada ra'ayat dalam kawasan Ulu Belait.

Ia-nya akan mempercepatkan pengangkutan hasil2 tanaman dan sa-bagai-nya ka-



Jambatan baru di-Bukit Puan yang menghubungkan Ulu Belait dengan ibu kota daerah itu.

bandar2 yang pada biasa-nya memakan masa sa-lama tiga jam dengan menggunakan sungai.

Jalan raya yang berchabang di-Sungai Liang di-jalan Raya Brunei/Belait akan turut juga memendekkan masa perjalanan dari Ulu Belait ka-ibu kota.

Pengiran Momin menyatakan orang ramai di-Labi, Bukit Puan dan lain2 kampong di-dalam kawasan itu tidak lagi payah datang ka-Kuala Belait untuk menaiki bas atau kereta apabila mereka hendak pergi ka-Bandar Brunei.

## USOL MENYIMPAN MAYAT DI-RUMAH SAKIT BANGAR

**BANGAR, TEMBURONG** — Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada hari Isnin 5 Jun, meluluskan antara lain meminta di-ubah jadual waktu bagi perjalanan moto sangkut yang membawa surat2, dan Balai2 Raya hendak-lah di-pasang dengan siling .

Majlis yang bersidang di-Kelab Bangar itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak.

## SURAT2 KA-BANGAR

Ahli majlis bagi kawasan Puni, Awang Haji Abu Bakar memohon supaya moto sangkut yang membawa surat2 dari Bandar Brunei supaya terlebih dulu singgah di-Bangar dan kemudian-nya pergi ka-Labu.

Beliau berkata, perubahan yang di-chadangkan itu akan mempercepatkan lagi pengriman surat2 di-Bangar dan

Labu.

Satu lagi usol memohon di-dirikan sa-buah tempat menyimpan mayat di-rumah sakit Besar yang di-khaskan bagi orang2 bukan Islam.

Awang Haji Abu Bakar juga meminta pembinaan sa-buah balai raya di-Kampong Batang Tuau untuk penggunaan penduduk2 di-situ.

## PEKEBUN2 KECHIL

Awang Badas bin Kamarudin, ahli bagi kawasan Belaban memohon kerajaan supaya menolong pekebun2 kecil yang hendak memileki kerbau.

Beliau berkata mereka hendak-lah di-berikan pinjaman dan membayar hutang mereka sa-chara beransor2.

Awang Metussin bin Aliakbar, ahli bagi kawasan Labu, memohon supaya buroh2 di-Labu Estate hendak-lah di-jual di-pasaran2 apabila jalan baru ka-kawasan itu di-buka kepada lalu lintas.

## TANAH KAWASAN LABI SUBOR UNTOK TANAMAN

— **K. G. Malet**

**BANDAR BRUNEI** — Usaha2 berchuchok tanam dalam kawasan Labi, di-Ulu Belait adalah sangat2 memuaskan, di-mana pohon buah2an dan sayor2an lebuh subor dari kebanyakan kawasan2 pertanian di-negeri ini.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet yang melawat kawasan itu pada minggu lalu berkata, peladang2 Pekan Labi mengusahakan sa-penoh-nya tanah2 mereka untuk menghasilkan buah2an dan sayor2an.

Awang Malet yang di-iringi oleh Penolong Pegawai Pertanian Awg. Abdul Hamid bin Ja'afar berkata, pohon buah2an dan tanaman2 terutama buah2 limau, hidup dengan subor-nya di-kawasan tersebut, hasil dari usaha berchuchok tanam yang sa-imbang dengan kaedah2 pertanian dan juga disebabkan oleh keadaan tanah2 yang subor.

Kebanyakan dari buah2-an dan sayor2an itu di-tanam untuk makanan sa-tempat kerana kerumitan dan perbelanjaan tinggi untuk mengangkut-nya ka-bandar2 dengan jalan sungai.

Akan tetapi, orang ramai di-lain2 bahagian2 negeri ini, boleh mengharapkan perbekalan yang lebuh banyak dan bermacham2 jenis buah2an dan sayor2an dari pekan Labi di-jual di-pasaran2 apabila jalan baru ka-kawasan itu di-buka kepada lalu lintas.

Jalan raya tersebut akan memendekkan perjalanan dari Labi dan menjadikan-nya lebuh

murah untuk mengangkut barang2 dengan kenderaan2 ka-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Bandar Brunei.

Awang Malet menyatakan, jabatan-nya membantu peladang2 di-kawasan itu mengawal musoh2 dan penyakit2 tanaman. Kaktangan2 di-pusat pertanian di-Labi turut juga memberikan nasihat kapada peladang2 mengenai kaedah2 pertanian.

## SEMINAR

Sementara itu dua orang pegawai pertanian telah berlepas ka-Sabah pada hari Rabu yang lalu untuk menyertai seminar teknikal mengenai kelapa sawit di-Sandakan.

Mereka itu la-lah Awg. Abdul Hamid bin Ja'afar, Penolong Pegawai Pertanian dan Awg. Solomon Soo, Pembantu Pertanian Kanan.

Seminar yang telah bermula pada hari Khamis itu telah membincangkan semua aspek tentang penanaman kelapa sawit.

Pengarah Pertanian, Awg. K. G. Malet berkata, pakar2 antara bangsa telah mengemukakan kertas2 kerja mengenai penyimpanan dan pemasaran kelapa sawit usaha2 mengeringkan-nya, ekonomi kilang2 kecil menandingi kilang2 besar kelapa sawit dan lain2 aspek mengenai perusahaan kelapa sawit termasok pembinaan kilang2.

Seminar itu juga telah membincangkan mengenai kemajuan merah kelapa2 sawit, pemunggahan dan pengangkutan kelapa sawit, teknik2 menyembor pohon2 kelapa dari udara dan sebagai-nya.

Pada masa ini Brunei belum lagi mempunyai ladang2 kelapa sawit, tetapi sa-bidang tanah yang agak besar di-daerah Temburong telah di-sediakan untuk penanaman kelapa sawit.

Chontoh2 tanah dari kawasan tersebut telah di-kirimkan ka-seberang laut untuk di-analisa guna menentukan kebaikan tanah itu bagi penanaman kelapa sawit.

# LEBEH \$11 JUTA UNTOK PEMBENAAN S.M.M.P. YANG BARU

**BANDAR BRUNEI**—Sekolah Menengah Melayu Pertama rengkasnya S.M.M.P. akan di-tempatkan tidak lama lagi dalam bangunan-nya sendiri di-Jalan Muara.

Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Malcolm McInnes berkata bahawa pembinaan bangunan sekolah baru itu telah pun di-kemukakan kapada tawaran dan kerja2 akan di-mulakan dalam bulan hadapan.

Sekolah baru itu merupakan sa-buah sekolah champor yang sempurna dan akan mempunyai bilek2 darjah bagi kira2 2,000 orang penuntut.

Sekolah itu akan mempunyai rumah2 bagi kakitangan2-nya, sa-buah kolam bernang, sa-buah dewan latehan jasmani, padang2 permainan dan sa-buah padang sokan yang mem-

punyai sa-buah pentas penuntut.

Ia-nya juga akan mempunyai sa-buah dewan sharanan dengan kerusi2 yang dapat menampung semua penuntut2 di-sekolah itu serta sa-buah perpustakaan dan lain2 kemudahan2.

Sekolah S.M.M.P. baru itu

akan mempunyai 57 buah bilek darjah, lapan buah makmal sains, bilek2 bagi kerja2 menjahit, bertukang besi dan kayu, asuhan rumah tangga dan kerja2 pertukangan tangan.

Rangkaian bangunan sekolah tersebut di-taksirkan mene-kan belanja sa-banyak sa-belas juta, enam ratus ribu ringgit.

Sa-tengah2 dari penuntut2 akan tinggal di-sekolah itu. Asrama2 yang berasingan akan di-adakan bagi penuntut lelaki dan perempuan.

S.M.M.P. yang merupakan sekolah menengah Melayu yang pertama di-negeri ini. Pada masa ini di-tempatkan di-satu bangunan sambongan kapada S.M.J.A. di-Bandar Brunei.

## NUZUL AL-KORAN: ULAMA2 NEGARA2 ISLAM DI-UNDANG

**BANDAR BRUNEI**. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menubuhkan sa-buah jawatankuasa tinggi untuk merancang sambutan perayaan2 Hari Ulang Tahun Nuzul Al-Koran bagi kali yang ka-sa-ribu empat ratus.

Kitab Suchi Al-Koran telah di-wahyukan buat pertama kali kepada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. pada bulan Ramadzan yang mana pada tahun ini jatoh dalam bulan Disember.

Jawatankuasa tinggi itu mempunyai 37 orang anggota

dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin sa-bagai pengurus.

Buat masa ini jawatankuasa tersebut menchadapkan perayaan2 sa-lama tujuh hari bagi perengkat2 daerah dan negeri dalam mana kanak2 dan pemuda pemudi serta orang2 dewasa akan mengambil bahagian.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, tujuan utama perayaan2 itu ia-lah untuk menegaskan kapada orang2 Islam di-negeri ini tentang kebenaran Kitab Suchi Al-Koran.

Dalam perayaan2 itu, ulama2 Islam dari Mesir, Indonesia, Malaysia dan lain2 negara Islam akan di-undang untuk memberikan sharahan2 mengenai Islam.

*Gunakan-lah Bahasa Melayu*

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14 Jun, 1967 hingga ka-hari Selasa 20 Jun, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit	Matahari
14 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07	
15 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07	
16 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
17 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
18 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
19 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
20 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

## M.M.D. TUTONG: DUA USOL MENGENAI KENDERAAN BAGI MURID2 SEKOLAH

**TUTONG**— Majlis Mashuarat Daerah Tutong dalam persidangan hari Rabu lepas telah meluluskan dua usul mengenai kenderaan bagi murid2 sekolah2 dari kawasan2 luar bandar yang menghadiri sekolah2 di-bandar Tutong.

Usol pertama yang di-bawa oleh Awang Ringgit bin Luang, wakil bagi Ukong Bukit ia-lah mengenai kenderaan laut bagi kanak2 di-ulu Sungai Tutong yang belajar di-darjah2 Inggeris di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

Usol kedua di-kemukakan oleh Awang Mohamad Zain bin Serudin, wakil bagi Tanjong Maya, ia-itu mengenai murid2 sekolah ugama dari kawasan2 luar bandar.

### MURID2 UGAMA

Awang Mohamed Zain meminta supaya murid2 ugama dari kawasan2 luar bandar yang belajar di-sekolah ugama Muda Hashim hendak-lah di-berikan kenderaan.

Terdahulu dari itu, majlis mashuarat itu telah mendengar jawapan2 kapada beberapa soalan2 mulut yang di-kemukakan oleh wakil2 majlis.

Soalan2 itu terdiri dari ke-layan2 bagi memasuki sekolah2 Inggeris, kemajuan ber-bagi2 majlis mukim, hingga kapada bilangan sungai2 yang telah di-bersehkan dan di-salor-kan di-daerah tersebut.

Ahli2 majlis juga ingin mengetahui apakah kerja2 tambahan yang di-perlukan untuk menyiapkan Masjid Hassanal Bolkiah dan siapakah bertanggong jawab untuk menjaga halaman2 di-balai2 raya.

### JALAN RAYA

Sa-orang lagi ahli majlis ingin mengetahui tentang bilangan jalan2 raya di-Tutong yang telah di-tutup dengan minyak tar pada tahun lalu.

Sidang tersebut telah di-pe-ngerusikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pgn. Anak Mohamad Salleh.

Pengiran Othman meng-uchapkan terima kasih kepada wakil2 kerana nasihat2 merck2 dan menyatakan, rancangan2 dan projek2 di-dalam daerah itu sedang di-laksanakan sesuai dengan peraturan2 dan ke-uta-maan-nya.

Beliau menyatakan, daerah Tuton mempunyai 19 buah balai raya yang memberikan perkhidmatan kepada beberapa kampong dalam kawasan itu.

## Peratoran hubungan surat menyurat dengan M.B.

**BANDAR BRUNEI**. — Kerajaan telah memohon ketua2 pejabat supaya mngalamatkan surat2 mereka kapada Menteri Besar melalui Setia Usaha Kerajaan.

Ia-nya juga memohon ketua2 pejabat atau pegawai2 kerajaan supaya menemui Setia Usaha Kerajaan apabila mereka hendak menemui Menteri Besar.

Sa-orang juruchakap Pejabat Setia Usaha Kerajaan berkata bahawa, peratoran itu terkan-dong dalam satu perentah tetap kerajaan. Pejabat Setia Usaha ada-lah saloran biasa surat menyurat di-antara jabatan2 dengan Menteri Besar.

Kerajaan mengalu2kan kerja-sama dari orang ramai mengenai peratoran ini. Ia-nya di-adakan untuk memudahkan tindakan.

## Pegawai2 Ugama melawat Malaysia Barat

**BANDAR BRUNEI**. — Satu rombongan lima orang pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah berlepas ke-Malaysia Barat pada hari Isnin, 5 Jun yang lalu kerana mengadakan lawatan sambil belajar sa-lama kira2 sa-bulan di-sana.

Rombongan itu terdiri dari empat orang pegawai2 dari Bahagian Pe-nerangan jabatan itu dan sa-orang lagi dari Bahagian Penyiasat di-Pejabat Kadhi Besar.

Mereka di-jangka akan menghabiskan masa kebanyakannya di-negeri2 Johor dan Kedah.



## HARI PERTAMA PENGELOUARAN MATA WANG BRUNEI

TARIKH-NYA 12 Jun, 1967 dan hari-nya jatoh pada hari Isnin serta tarikh hijrah 29 Rabí'ul Awal, 1387. Ini-lah hari dan tarikh yang sukar dilupakan orang yang di-sifatkan sa-bagai tapak sa-langkah Brunei menuju ka-ambang kemajuan dalam arus dan gelombang dunia dewasa ini, ia-itu tarikh pengeluaran mata wang Brunei yang baru yang berbentuk dan ukuran yang amat menarek.

Sekjak pengumuman di-buat mengenai pengeluaran mata wang Brunei yang baru itu telah heboh di-bicarakan orang dalam berbagai segi termasuk mengenai penggunaan-nya di-negara2 jiran tetangga kita. Tetapi keraguan2 itu telah selesai apabila penerangan2 lanjut di-berikan yang menegaskan bahawa mata wang Brunei yang baru itu dapat di-gunakan di-Malaysia dan Singapura. Perkembangan ini ada-lah berdasarkan kapada hubungan surat menyurat di-antara Kerajaan2 ketiga2 buah negara tersebut. Hubungan tersebut ia-lah untuk mendapatkan persetujuan supaya tukar menukar penggunaan mata wang Brunei itu akan sama dengan persetujuan yang telah di-chapai oleh Singapura dan Malaysia.

Oleh itu, maka bolehlah orang2 yang tinggal di-tiga kawasan ini menggunakan mana2 satu mata wang di-kawasan Malaysia, Singapura dan Brunei oleh kerana wang2 itu akan di-terima di-mana2 saja dengan harga yang sama.

Suasana pada 12 Jun di-bank2 di-Brunei amat menarek juga apabila kelihatan orang ramai berpusu2 membanjiri bank2 tersebut dengan satu niat saja ia-itu untuk mendapatkan wang baru.

Masedukan kedudukan penggunaan mata wang lama dan baru ini telah pun di-buat pengumuman2 yang chukup untuk di-fahami. Radio dan surat2 khabar tempatan telah menyibarkan bahawa sunggohpun wang baru itu tarikh pengeluaran-nya di-tetapkan pada 12 Jun, 1967, tetapi ini tidak berarti wang lama itu tidak sah di-perlakukan lagi. Wang lama itu boleh di-lakukan untuk berjual beli sa-hingga beberapa waktu atau lebih tegas lagi sa-hingga ia-habis di-tarek balek oleh pengguna2 pengeluaran mata wang negeri ini, Singapura dan Malaysia.

Kedudukan ini amat jelas untuk di-fahamkan dan kita tidak-lah payah tergesa2 pergi ka-bank2 untuk menukar wang tersebut dan kita tidak payah bersusah2 merasa ragu tentang kedudukan itu.

Tetapi, walau pun demikian orang2 yang menukar wang lama kepada wang yang baru itu pada 12 Jun yang lalu, kebanyakannya di-timbulkan dari satu kemegahan ingin memileki wang yang baru yang di-keluarkan oleh negeri dan kerajaan mereka sendiri.

## SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN NABI MOHAMMAD s.a.w.

BANDAR BRUNEI—Persediaan2 untuk merayakan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-seluruh negeri pada 20 Jun ini telah di-ator dengan rapi dan hampir keselurohan achara2 itu disusun dengan lancar-nya.

Di-Bandar Brunei, perarak-an mengelilingi bandar akan di-ambil bahagian oleh lebih dari 50 pasukan dari berbagai2 peringkat yang akan membawa sepandok2 mengagong dan memuliakan riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w.

Perarakan serupa akan di-adakan juga di-Kuala Belait dan sa-lepas perarakan itu Shahibol Fadzilah, Tuan Mufti Kerajaan Brunei, Awang Haji Ismail Omar Abdul Aziz akan memberikan sharahan.

Pada 22 Jun, di-Madrasah Bandar Brunei akan di-langsungkan pertandingan berzanji

peringkat akhir seluruh negeri dan tiap2 daerah akan menghantar wakil-nya dalam per-tandingan tersebut.

Daerah Brunei dan Muara akan di-wakili oleh dua orang peserta dalam bahagian2 lelaki dan perempuan, sementara Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong akan di-wakili oleh sa-orang peserta lelaki dan sa-orang peserta perem-puan bagi tiap2 daerah.

Sempena merayakan hari keputeraan Nabi Mohammad, s.a.w. itu, maka pada 20 Jun ini telah di-ishtiharkan sa-bagai satu hari kelepasan awam bagi seluruh negeri.

## Banyak usol2 dalam M.M.D. Belait terkeluar dari kuasa majlis

KUALA BELAIT — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, banyak dari usol2 yang di-kemukakan oleh anggota majlis mashuarat Daerah Belait tidak boleh di-masukkan ka-dalam agenda mashuarat.

Usol2 itu terpaksa di-tolak kerana terkeluar dari kuasa dan tanggong-jawab2 majlis itu.

Pegawai Daerah itu yang juga menjadi pengerusi majlis mashuarat itu berkata demiki-an ketika beruchap kapada ahli2 majlis dalam sidang-nya di-bilek persidangan Pejabat Daerah di-Kuala Belait pada hari Isnin lalu.

Majlis Mashuarat Daerah itu merupakan badan penasihat kapada Pegawai Daerah, terutama mengenai perkara2 di-daerah itu seperti perkembangan, kebijakan dan pertadbiran-nya.

"Ia-nya tidak mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap urusan2 lain2 daerah, apa-tah lagi dengan persoalan2 ne-gara", tegas Pgn. Momin.

Pengiran Momin menggesa ahli2 majlis mashuarat supaya menumpukan usol2 mereka kapada perkara2 yang ada hu-bungan-nya dengan Daerah Belait sahaja. Majlis mashuarat daerah tidak mempunyai kuasa untuk menasihatkan Kerajaan sa-bagaimana yang kerap kali di-anggap oleh ahli2 majlis.

Beliau juga merayu kapada orang ramai supaya hadhir dalam mashuarat2-nya guna mempelajari dari dekat apa yang di-bahathkan dan di-per-binchangkan dan bukan sa-takat bergantong kapada kha-bar2 angin dan berita2 liar.

Majlis tersebut kemudianya telah mendengar jawapan2 ka-atas tiga soalan yang di-kemukakan oleh Awg. Matzin bin Teradi yang ingin mengetahui bilakah masa-nya geran tanah di-Ulu Belait akan dapat di-keluarkan oleh Kerajaan.

Beliau menyatakan, tanah2 tersebut telah pun di-tanam dengan batu2 sukatan-nya.

Awang Matzin ingin juga mengetahui bila-kah kerajaan akan mengadakan kelas Darjah VI di-Sekolah Melayu Bukit Sawat.

Beliau bertanya tentang apa yang di-sifatkan-nya sa-bagai chukai menureh getah sa-banyak lapan sen oleh jabatan pertanian ka-atas tiap2 pohon getah yang di-tanam di-atas tanah Kerajaan, dan sama ada lesen menureh getah sa-banyak \$1 pada sa-tumpok tanah me-rupakan satu langkah untuk membantu orang2 kampong.

Dalam uchapan penanggo-han Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar memuji Pe-gawai Daerah Belait dan kakitangan kerana memelihara kadar kemajuan yang berjalan sekarang dalam kerja2 per-kembangan di-daerah itu.

Beliau berkata, sekarang ter-dapat bangunan2 baru, saperti balai2 raya dan balai2 pulis. Jalan2 raya baru telah di-bena dan jalan2 raya yang lama di-perbaiki.

Akan tetapi, Pengiran Mo-hammed Yusof berpendapat bahawa perkembangan boleh di-percepatkan dan lebih ba-nyak lagi projek2 di-laksana-kan di-daerah tersebut.

Kata-nya, apa yang terdapat di-daerah Belait sekarang

**Pejabat Pos hadapi masaalah surat2 beralamat ta'terang**

BANDAR BRUNEI — Ketua Pos Negara, Awang Haji Ali Khan melahirkan rasa bimbang tentang jumlah surat2 yang sa-makin bertambah, yang tidak dapat di-serahkan kepada alamat2-nya atau di-kembalikan kapada pengirim2 surat tersebut.

Surat2 itu sama ada tidak mempunyai alamat2 yang sem-purna atau pun pengirim2 tidak dapat di-kesan, sa-lain dari tanda2 pos di-sampol2 surat.

Awang Haji Ali Khan ber-kata, surat2 yang tidak di-beri-kan alamat yang chukup me-nyebabkan banyak gangguan dan kelambatan dalam kerja2 memilih surat2 itu.

Sa-tengah2 surat mempu-nyi nama2 penerima tetapi alamat2 mereka tidak dapat di-bacha. Surat2 serupa itu lazim-nya di-kembalikan ka-pada pengirim2-nya, tetapi dalam kebanyakan perkara, alamat2 pengirim pun tidak te-rang untuk di-bacha," tegas Awang Haji Ali Khan.

Ketua Pos Negara itu ber-kata, sa-suatu alamat yang di-tulis di atas barang2 yang di-kirimkan melalui pos saperti surat2, bungkus2 dan sa-bagi-nya ada-lah merupakan panduan kapada pejabat pos tentang tempat yang di-kehendaki oleh pengirim untuk di-serahkan barang2 itu.

Orang ramai akan memban-tu diri mereka sendiri jika me-reka berhati2 menulis butir2 yang chukup di-atas sampul2 memudahkan penyerahan.

Beliau menggesa supaya bandar atau kota di-mana sa-suatu surat itu di-alamatkan hendak-lah di-tulis dengan te-rang dan jelas di-atas sampul2 surat.

Awang Haji Ali Khan ber-kata, pejabat pos Bandar Brunei tidak lama lagi akan meng-adakan peti2 surat tambahan bagi kemudahan2 orang ramai.

tidak-lah sampai kapada 50 peratus dari matalamat2 per-kembangan.

Pengiran Mohammed Yusof menggesa majlis mashuarat itu supaya memalingkan perhatian-nya terutama kepada per-kembangan pertanian dan per-usahaan di-daerah itu.

Beliau menyatakan, jika penduduk2 bumiputera di-beri-kan bantuan mereka mampu memajukan tanah dengan jaya-nya bagi pertanian dalam masa kurang dari 10 tahun.

# BERCHUCHOK TANAM UNTOK JUALAN – KERJA YANG MENDATANGKAN UNTONG

Di-suatu ladang sa-luas 52 ekar yang mengandungi bukit dan tanah datar di-tepi jalan raya di-Senaut, 21 batu dari Bandar Brunei ka-padang minyak Seria, Sharikat Minyak Shell Brunei berharap akan memberikan chontoh bahawa berchuchok tanam untuk jualan boleh menjadi suatu pekerjaan yang mendatangkan untong dan memberi keadaan kurang2-nya sama jika tidak lebih dari yang boleh di-dapat dari bekerja di-belakang meja dalam sa-buah pejabat di-Bandar Brunei.

B.S.P. telah mengadakan tali2 ayer bagi 4 ekar tanah lembah di-situ dan menjadikannya sawah2 padi. Ia juga telah membina sa-buah kolam untuk memelihara ikan ayer tawar, dan lerengan2 dan bukit2 itu di-ratakan bertingkat2 untuk menanam pokok2 yang mendatangkan hasil saperti getah, buah2an dan lada hitam dan telah mengasingkan tanah datar yang lain-nya untuk kelapa sawet dan kelapa biasa untuk jualan.

Di-ruangan antara kelapa biasa itu dan boleh jadi antara jajaran kelapa sawet itu B.S.P. berchadang hendak menterik beberapa ekor lembu sa-bagai tambahan kapada pendapatan dengan menjual daging.

Tanah yang sa-lebar 52 ekar itu ada-lah mencukupi luas-nya menampung 4 keluarga pekebun kecil. Tiga keluarga sudah pun berada di-situ. Mereka itu menerima bayaran bulanan lebih kurang sama banyak-nya dengan gaji yang biasa-nya di-bayar kapada pekerja2 pertanian sa-lain dari fadah2 saperti rumah tidak bersewa, dan kebenaran berchuchok tanam dan berkebun buah2an di-kawasan rumah dan mengusahakan sawah itu sa-bagai harta milik mereka sendiri.

Sa-bagi satu galakan lagi BSP telah berjanji akan membayar baksis kapada keluarga2 itu dari masa ka-masa dari jualan hasil mengikut sa-takat kejayaan yang terdapat dari kebun2 itu.

Ikan dalam kolam itu ada-lah menjadi milik mereka untuk dibahagikan2 atau di-jual sa-bagai harta bersama.

Dalam masa yang sa-wajar-nya — 6 tahun bagi getah, lebih awal bagi lada hitam dan awal lagi bagi kelapa sawet — tanah yang dahulu-nya itu belukar akan menjadi suatu kawasan wang yang menghijau yang boleh di-harap oleh pekebun2 kecil itu untuk menampung keperluan2 iktisad mereka.

Ranchangan berkebun itu telah lama di-uraikan — dari keinginan BSP hendak melihat ekonomi Brunei beraneka macham supaya apabila minyak yang mengalir dari telaga2 minyak di-Seria dan di-perayeran itu berhenti mengalir orang2 Brunei yang mempunyai kebun masing2 akan terus menikmati chara hidup yang baik yang telah di-berikan oleh hasil dari minyak.

Menurut Tuan C. H. Huddart, ketua ranchangan pertanian BSP pada akhir tahun 1964 baharu-lah rundingan di-adakan dengan kerajaan untuk mendapatkan tanah itu bagi ranchangan pertanian. Per-setujuan segera di-dapat dan sharikat itu telah membuka tanah itu dalam bulan Julai tahun yang berikutan.

Tanaman2 untuk di-jual itu hidup dengan baik. Getah sudah pun lebih dari 20 kaki tinggi-nya, kelapa sawet pula subor dan lada

*PEGAWAI Akbar, Awang Mustapha bin Yusof baharu2 ini telah melawat Pusat Pertanian, Sharikat Minyak Shell di-Senaut untuk melihat sa-chara dekat usaha2 pertanian yang di-jalankan di-pusat tersebut. Dalam lawatan itu, Awang Mustapha telah di-bawa melihat ka-kawasan2 berchuchok tanam dan di-beri penjelasan2 tentang gerakan pusat tersebut oleh Ketua Ranchangan Pertanian BSP, Awang C. H. Huddart. Hasil dari lawatan itu, maka di-bawah ini di-siarkan renchana yang di-tulis oleh beliau.*

hitam itu telah menjalar kapada tiang2 junjungan dan melarap kadaiwai2 perhubungan yang akhirnya akan di-palut oleh dahan2 lada itu sa-hingga menjadi suatu pagar lada hitam yang menghijau.

Ternakan lembu itu akan di-usahakan di-suatu masa apabila kelapa biasa itu telah cukup tinggi untuk memberi perlindungan dari panas matahari dan rumput kasar yang ada itu di-gantikan dengan rumput makanan binatang yang banyak zat-nya.

Tujuan utama melanjarkan projek berladang ini ia-lah untuk menyiasat kemungkinan meninggikan taraf hidup pekebun2 kecil dan mejudikan ladang2 perniagaan bagi menggantikan perusahaan berladang yang tidak terotor seperti yang biasa di-lakukan, supaya pekebun2 kecil itu dapat menikmati sa-penoh2-nya hasil dari tenaga mereka.

Tanpa mempunyai lain2 sumbar logam dan juga perusahaan2 untuk memberikan pekerjaan menampung penduduk yang chepat sakal bertambah2 itu Sharikat Minyak Shell Brunei perchaya bahawa pekerjaan berladang boleh menjadi satu perusahaan penting dalam menjadikan ekonomi Brunei beranika jenis.

Satu perusahaan pertanian yang menguntungkan boleh membantu menyekat pemergian ka-bandar2 oleh orang2 kampung dan belia2 yang berhenti dari sekolah2 yang biasa-nya mencari pekerjaan dengan kerajaan dan lain2 majikan.

Peluang bekerja kechualan bagi mereka yang chukup mahir hamip tiba ka-peringkat yang terbatas sa-kali. Peluang2 baru untuk pekerjaan mestilah di-adakan segera dengan ada-nya tanah untuk

semua orang, maka ada-lah penting bagi belia2 yang berhenti dari sekolah dan lain2 orang yang tidak dapat bekerja dengan kerajaan dan lain2 majikan, menumpukan pandangan mereka ka-bumi Allah untuk meneroka kekayaan alam dengan menjadikannya kebun2 kecil yang menguntungkan dari segi ekonomi.

Sharikat Minyak Shell Brunei berpendapat bahwa luas-nya kawasan kebun2 kecil di-Senaut itu ada-lah bergantong kapada jenis tanaman yang memberikan pendapatan tetap. Tiap2 sa-orang pekebun kecil mempunyai kira2 dua ekar untuk menanam padi, buah2an dan sayoran2 untuk di-buat makanan dan sa-lain dari itu sa-bagai tambahan, satu dari keluarga2 itu mempunyai 12 ekar getah, yang lagi satu mempunyai 12 ekar kelapa sawet dan yang ketiga pula mempunyai sa-ekar ladang lada hitam dan 3 ekar pohon buah2an untuk di-jual.

Ini-lah kawasan2 tanaman2 yang di-perchayai keluarga2 itu dapat menguruskan-nya sendiri dan juga di-harapkan akan dapat memberikan hasil pendapatan yang besar juga. Pokok2 itu mengambil masa beberapa tahun untuk besar dan tentu-lah sukar untuk di-taksirkan.

Getah moden yang mengeluarkan banyak susu ada-lah tanaman yang baik untuk di-tanam di-Brunei di-mana keadaan dari segi hawa ada-lah sangat sesuai. Tetapi getah sekarang menghadapi tantangan hebat dari getah tiruan namun begitu jika di-ambil harga 50 sen sa-paun, suatu keluarga pekebun kecil maseh boleh mendapat berkebun getah sa-bagai satu pekerjaan yang menguntungkan.

Lada hitam pula, sungoh pun

ia boleh memberikan hasil pendapatan yang menarek hati, tetapi buat masa ini kelapa sawet-lah nampaknya tanaman yang menarek hati sa-kali dari ketiga2-nya. Bagaimana pun sa-buah kebun kecil mestilah dekat dengan sa-buah kilang kelapa sawet supaya hasil tanaman-nya dapat di-kilangkan.

Sa-lepas sa-tahun genap berjalan, gambaran yang berikut ini telah muncul jelas sa-kali mengenai perbelanjaan modal di-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei di-Senaut.

\* Perbelanjaan kira2 \$11,000 untuk membersih membuat tingkat2 memasang pagar, benih, dll. adala-lebih kurang sama perbelanjaan bagi 12 ekar kelapa sawet atau sa-ekar lada hitam.

\* perbelanjaan kira2 \$13,500 bagi menjadikan 12 ekar hutan kepada getah ada-lah lebih dari sa-ekar kebun lada hitam atau pun 12 ekar kelapa sawet.

\* masa mengutip hasil di-perchayai lebih cepat dari kelapa sawet di-ikuti oleh lada hitam yang mulai berbuah dalam tahun keempat sa-lepas di-tanam dan lama lagi bagi getah yang hanya boleh di-toreh sa-telah 6 - 7 tahun. Getah dan kelapa sawet di-jangka akan terus berhasil sa-lama 40 tahun atau lebih sementara lada hitam hanya kira2 15 tahun.

Padi yang di-tanam di-pusat itu semata2 untuk makanan kapada pekebun2 kecil itu. Padi pada masa ini tidak dapat bertanding dengan getah, kelapa sawet atau lada hitam sebagai tanaman yang memberikan pendapatan tetap sungguh pun hasil dari 4.2 ekar sawah di-ladang itu hampir2 lima kali ganda banyak-nya dari perhitungan panjang hasil2 sa-ekar sawah padi yang ada di-kampong2 di-seluroh negeri.

Keadaan ini mungkin berubah sekira-nya sa-jenis padi baru yang mengeluarkan hasil yang tinggi dari Filipina di-kenali sebagai IR8 berjaya di-tanam di-Brunei. Dua atau tiga penanaman padi itu dalam sa-tahun mungkin menjadikannya suatu tanaman yang memberikan pendapatan tetap yang baik bagi membantu mengadakan makanan kapada penduduk2 Brunei yang sa-makin bertambah pesatnya itu.

Padi sebagai tanaman yang memberikan pendapatan tetap akan memberi lebih keuntungan

(Lihat muka 8)



Pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Senaut.

## PERLAWANAN BOLA SEPAK ANJORAN MAJLIS BELIA

BANDAR BRUNEI. — Satu rekod jumlah peserta sudah pun di-terima bagi perlawan bola sepak tahun ini anjoran Majlis Belia Negeri Brunei.

Sa-jumlah 25 pasukan dari 21 buah pertubuhan2 belia akan menyertai dalam perlawan yang akan di-jalankan sahara kumpulan atau bahagian

lawan pukol mati.

Di-antara peserta baharu ia-lah pasukan Kesatuan2 Belia dari Kampong Setia Baharu, Gadong dan Kilanas.

Pemegang piala, pasukan Sumbiling "A" termasuk dalam bahagian "H" sementara pasukan Sumbiling "B" dalam bahagian "I" sa-telah membuat chabutan.

Perlawan pembukaan akan di-jalankan antara pasukan Kesatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Pertukangan dengan pasukan Belia Melayu Temburong pada hari ini.

Perlawan akhir di-jangka berlangsung menjelang akhir bulan Ogos ini.

## Temasha mandi safar tidak mendapat sambutan

BANDAR BRUNEI. — Temasha mandi safar tidak mendapat sambutan tahun ini dan keadaan di-pantai2 di-seluruh negeri sa-panjang hari Rabu lepas ada-lah tenang saperti biasa.

Temasha mandi safar pada masa2 lampau merupakan satu temasha bermandi manda yang di-lakukan oleh orang2 Melayu di-tepi2 laut dan sungai dengan keperchayaan bahawa ia-nya dapat membersehkan diri mereka dari dosa dan nasib yang malang.

Akan tetapi, pengumuman2 yang di-buat baru2 ini oleh Alim Ulama telah merubah tradi dan keperchayaan ini.

Sa-orang juruchakap Hal Ehwal Ugama berkata, tidak terdapat sebarang nas dalam Kitab Suchi Al-Koran yang menyatakan bahawa bulan Safar merupakan satu bulan yang membawa kechelakaan atau pun hari Rabu yang terakhir dalam bulan itu hendaklah di-kerjakan mandi manda untuk membersehkan dosa atau kechelakaan.

Juruchakap itu berkata, orang2 Melayu di-masa2 lampau telah terkeliru. Keperchayaan lama itu sama sekali tidak ada hubungan-nya dengan keperchayaan Islam.

Gambar bawah, pantai Jerudong kelihatan lengang sahaja.

lawan pukol mati.

## USOL KENDERAAN DI-AYER UNTOK BAWA JENAZAH KA-TANAH2 PERKUBORAN

BANDAR BRUNEI — Majlis Meshuarat Daerah Brunei/Muara semalam telah meluluskan dua usol untuk mengadakan kenderaan jenazah di-ayer untuk mengusong mayat2 dari Kampong Ayer ka-tanah2 perkuboran dan mengadakan rumah bagi bidan2 di-kampung ayer.

Kedua2 usol itu telah di-bawa oleh Pengiran Mohamed bin Pengiran Labab, wakil bagi kawasan Raja Muda.

Pgn. Mohamed berkata, kenderaan jenazah itu hendak-lah di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan rumah2 bagi bidan2 tersebut di-sediakan oleh kerajaan.

### SOALAN2

Majlis meshuarat itu kemudian-nya mendengar jawapan2 kapada soalan2 yang di-kemukakan oleh ahli2 majlis tersebut.

Soalan2 itu berkisar dari keadaan di-tamu, kenderaan bagi murid2 dari Kampong Ayer, hingga kapada rumah2 bagi anggota2 Pulis.

Pegawai Daerah Brunei/Muara Awang Ali bin Awang Besar merangkap pengurus majlis mashuarat itu berkata, tidak ada ranchangan hendak mengadakan kenderaan bagi murid2 dari Kampong Ayer yang belajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Awang Ali mengatakan ba-

hawa berek2 kajang yang ada sekarang di-Bandar Brunei akan di-runtohkan dan anggota2 pulis yang tinggal di-berek2 itu berpindah ka-satu bangunan lain apabila kerja2 memperbaiki dan mengehat telah selesai.

## Perlawan bola sepak di-Temburong

BANGAR. — Sa-banyak tujuh buah kampong dan jabatan2 kerajaan di-daerah Temburong telah memasuki satu perlawan bola sepak yang di-anjarkan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Temburong.

Perlawan itu ada-lah buat pertama kali-nya di-adakan di-daerah itu yang di-anjorkan persatuan itu.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyatakan bahawa perlawan itu di-adakan ia-lah sa-jajar dengan ranchangan2 kegiatan persatuan tersebut pada tahun ini.

Perlawan tersebut telah pun di-mulakan pada 2 Jun yang lalu.

Perlawan akhir di-jadualkan berlangsung dalam bulan September nanti ia-itu sa-bagi salah satu achara bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.



# JAWATAN KOSONG DAN TAWARAN

## PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III DI-RADIO BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan kosong di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

PEGAWAI RANCHANGAN  
TINGKAT III (Bahagian Inggeris)

Kelayakan:

I ulus peperekson Sijil Persekolah Sa-berang Laut atau yang bersamaan dengan-nya serta mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

Ujian akan di-adakan untok menentukan chalon2 yang layak bagi jawatan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 /EB/4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat atau berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Jun, 1967.

## Mengadakan "Kenderaan Jenazah"

Sharikat2 ada-lah di-pelawa untok menghantar satu tawaran bagi mengadakan sa-buah "KENDERAAN JENAZAH" dengan sharat tawaran itu hendak-lah sampai kapada Tuan Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Ke-wangan Tingkat Bawah Bangunan2 Kerajaan Brunei tidak lewat daripada 19 Jun, 1967 jam 4-00 petang.

Sharikat2 yang ingin turut menawarkan hendak-lah bersedia akan menghantar tawaran ini dengan menyatakan harga kereta itu, tarikh boleh tiba di Brunei sesudah menerima pesanan dan juga hendak-lah menyertakan satu chontoh gambar (catalogue) bersama dengan surat tawaran itu. Keterangan

yang lanjut boleh-lah di-dapati daripada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei.

Sharikat2 hendak-lah menghantar tawaran mereka dengan sampul surat bertutop kapada Tuan Pengerusi, Lembaga Tawaran dan tidak di-benarkan menunjukkan nama si-penawar di atas sampul itu melainkan nama "Tuan Pengerusi, Lembaga Tawaran dan memberi tanda "Tawaran Untuk Kenderaan Jenazah" dan di-sertakan dengan Wang Chengkeram sa-banyak \$200 (Dua ratus ringgit sahaja) Wang Chengkeram akan di-kembalikan kapada Penawar2 yang tidak berjaya.

Kerajaan tidak bersedia merenerima tawaran yang paling murah atau sa-barang tawaran.



Awang Lai Huat (gambar atas) sa-orang pegawai Muzium Brunei telah berlepas ka-New Zealand pada hari Khamis yang lalu untuk melanjutkan latehan sa-bagai pegawai Perpustakaan di-Public Library School di-Wellington.

Awang Lai Huat ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan mula berkhidmat dengan kerajaan sa-bagai kerani di-Pejabat Pelajaran.

Beliau memasuki Muzium Brunei dalam tahun 1965 dan dalam tahun yang sama beliau di-hantar ka-Kuching untuk menerima latehan awal sa-bagai pegawai Perpustakaan di-Muzium Sarawak sa-lama lebih kurang sa-tahun.

Awang Lai Huat di-jangka berada di-New Zealand selama lebih kurang dua tahun.

## Chalon Ketua Kampong Senaut, Daerah Tutong

SENAUT, TUTONG — Penduduk2 Kampong Senaut dalam daerah Tutong pada hari Khamis lepas telah memilih sa-orang chalun ketua kampong mereka bagi memenohi jawatan tersebut yang telah kosong sejak lima bulan yang lalu.

Jawatan itu telah kosong sejak Awang Tuah bin Bujor, ketua kampong yang lama, meninggal dunia di-rumah sakit Besar, Bandar Brunei dalam peristiwa amok di-rumah sakit tersebut yang melibatkan sa-orang Punan dari Ulu Belait.

Kejadian itu telah berlaku kira2 lima bulan yang lalu.

Allah yarham Tuah telah menjadi ketua Kampong Senaut sejak sa-sudah pemerintah Jepun di-Brunei.

Orang yang di-chalunkan bagi memenohi jawatan itu ialah Awang Jamudin bin Isa

yang ayah beliau pernah menjadi ketua kampong tersebut dari tahun 1938 hingga 1946.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Osman bin Pgn. Anak Mohammad Salleh telah mengumumkan pemilihan tersebut dan pengsaian lantekan itu sa-chara muktamat akan di-umumkan kemudian.

Sa-orang wakil penduduk2 kampong Senaut, Awang Salleh bin Hidup telah menyatakan harapan mereka supaya pemilihan itu akan dapat di-persejui oleh Kerajaan.

Dalam masa ketiadaan ketua, Kampong Senaut ada-lah dibawah jagaan Orang Kaya Setia Negara Safar hingga-lah masa ini.

Sementara itu pemilihan chalun ketua Kampong Pat-nunok, Lamunin akan di-adakan pada 17 Jun dan pada 24 Jun akan di-langsangkan pemilihan chalun ketua kampong Kuala Tutong.



Sa-bilangan penduduk2 Kampong Senaut bergambar ramai dengan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran

Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh (duduk di-tengah) dan di-sabelah kiri beliau ia-lah

chalun Ketua Kampong Senaut, Awang Jamudin bin Isa.



Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof.

## Berchuchok tanam untuk jualan

DARI MUKA 5.

dari pada tanaman yang memberikan pendapatan di-Sinat kerana ia lekas besar tetapi modal maseh perlu untuk mengadakan beting dan tali ayer2 yang semporna untuk sawah2 itu kerana jika tidak tanaman2 tidak akan berjaya.

Perbezaan yang penting antara menanam tanaman untuk di-jual dan bagi makanan di-rumah ia-lah tanaman2 yang memberikan pendapatan itu memerlukan modal yang lebih besar sebelum ia-nya boleh mengeluarkan hasil.

Dalam pendapat ini berchuchok tanam untuk perniagaan ada-lah serupa dengan lain2 perniagaan. Salah satu tujuan penting projek BSP di-Senat itu ia-lah mengkaji keperluan2 modal bagi berjenis2 tanaman di-Brunei. Kira2 perbelanjaan telah di-chatetkan dengan teliti dalam mana semua perbelanjaan di-bahagikan di-bawah tajok pekerjaan dan modal bagi tiap2 satu tanaman.

Ladang tersebut telah pun menarik perhatian dan dalam 12 - 15 bulan yang lalu sharikat itu menganggarkan bahawa lebih dari 2,000 pelawat telah datang untuk menyaksikannya. Pelawat2 yang ramai ada-lah di-pelawa datang terutama mereka yang akan berhenti dari sekolah yang menghadap maaalah kerumitan memilih chara kehidupan.

Sharikat itu berharap bahawa chontoh2 ladang2 kecil-nya akan mengilhamkan sa-tengah2 pemuda Brunei menchari nasib masa depan mereka dalam kehidupan yang memuaskan, kechukupan dan kemewahan dengan mengusahakan tanah.

## MINGGU PELAJARAN TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Minggu pelajaran telah di-ranchangkan bagi Sekolah2 Melayu di-negeri ini mulai dari 26 Jun.

Pengelola Minogu Pelajaran Melayu, Awang Mohamad Yusof bin Tahir berkata, tujuan minggu pelajaran itu ia-lah untuk memperkenalkan kapada ibu bapa apa yang di-buat oleh anak2 mereka di-sekolah.

Dalam masa minggu pelajaran itu, ibubapa dan waris murid2 akan di-jemput hadir ka-sekolah2 untuk melihat hasil pertukangan tangan murid2, buku2 tulis mereka dan buku2 teks yang di-gunakan di-bilek darjah.

Awang Mohamad Yusof menambahkata, sa-takat ini sa-banyak 89 buah sekolah Melayu telah membuat persiapan untuk merayakan minggu pelajaran itu.

# GURU2 DI-SERU SUPAYA JUJUR UJUDKAN WARGA NEGARA YG BAIK

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menggesa guru2 supaya jujur dalam kerja2 mereka sebagai guru untuk memajukan pelajaran di-negeri ini.

Beliau menyatakan, bukan sahaja kewajipan para guru untuk mengajar mereka yang buta huruf membacha dan menulis tetapi juga untuk mendek kanak2 sekolah untuk menjadi warga negara yang baik dan berguna.

Pemangku Menteri Besar itu menyatakan demikian ketika beruchap dalam mashuarat agong kali yang ka-19 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah di-langsungkan di-Bangunan Guru-Guru, Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas

Pengiran Dato Seri Paduka

Haji Mohamad Yusof berkata, untuk mendek kanak2 kerajaan telah membina sekolah2 baru dan memberikan buku2 pelajaran dan mengadakan alat2 kelengkapan kerana memudahkan pengajaran.

Beliau berkata, kerajaan telah juga membuat banyak kelas2 pelajaran dewasa supaya orang2 tua yang buta huruf dapat belajar membacha dan menulis dan mendapatkan kemahiran dalam lain2 mata pelajaran yang berfaedah.

### TUGAS GURU

Pemangku Menteri Besar itu berkata, pelajaran tidak terbatas kepada kanak2 dan mereka yang buta huruf sahaja, tetapi juga guru2 supaya dapat memperlengkap diri mereka dengan lebih baik dalam menunaikan tugas mereka sebagai guru.

Beliau menggesa guru2 su-

paya mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih banyak dan bukan hanya berpuas hati dengan latehan yang mereka jalani di-pelbagai maktab2 pergunuan.

Sa-terusnya beliau meminta supaya segala galakkan henda-lah di-berikan kapada kanak2 dalam bidang pelajaran mereka, sama ada dalam bidang akidami, mahu pun dalam bidang sains dan teknikal.

Ini, ia-lah untuk melayakkan mereka bagi pelajaran2 tinggi untuk menjadi doktor, jurutera dan ahli2 teknik yang mahir.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof berkata, banyak dari jawatan2 professional dan kejuruteraan dalam perkembangan negeri ini menunggu2 untuk di-penohi oleh anak2 Brunei yang berkelayakan.

## WANG KERTAS BARU MULA DI-GUNAKAN

BANDAR BRUNEI — Wang Kertas Mata Wang Brunei yang baru telah di-terima baik dengan tidak teragak2 oleh pekedai2 dan pedagang2 di-negeri ini.

Mata Wang yang baru itu telah mula di-keluarkan dan di-gunakan pada hari Isnin yang lalu 12 Jun, 1967. Sejak hari tersebut orang ramai telah membanjiri bank2 di-negeri ini untuk mendapatkan mata wang kertas tersebut.

Mereka telah menerima baik wang tersebut dengan tidak teragak2 di-samping menunjukkan kegembiraan masing2 kerana memileki wang yang baru itu.

Ini berikut dengan penyiaran risalah2 ka-seluroh pelusok negeri dan menunjukkan keratan2 gambar di-panggong2 wayang yang memberi penerangan mengenai pengeluaran wang kertas baru itu.

Pekedai2 yang menerima wang kertas baru sa-bagai bayaran kapada satu pembelian telah menjelaskan bahawa mereka ketahui yang wang kertas baru itu mula di-edarkan sejak hari Isnin lepas.

Wang kertas lama akan terus di-gunakan bersama2 dengan wang kertas baru buat beberapa waktu.

## JANGAN CHAMPORI HAL LUAR PELADANG2 DI-INGATKAN

LUAGAN DUDOK, TUTONG — Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah mengingatkan kepada persatuan2 peladang dari melibatkan diri mereka dalam perkar2 di-luar kegiatan2 persatuan.

Pegawai Daerah itu berkata, persatuan2 peladang telah di-daftarkan kerana tujuan memajukan pertanian dan dengan tujuan ini dalam lipatan ingatan, anggota2 persatuan mestilah patoh kapada tujuan2 persatuan mereka.

Pengiran Othman berkata demikian ketika beruchap kepada anggota2 Persatuan Peladang Mukim Luagan Dudok di-balai raya mukim itu kerana hari pembukaan kursus pertanian sa-lama sa-minggu kapada anggota2 persatuan tersebut pada hari Ahad lepas.

Menyentoh tentang pertanian, pegawai daerah itu mengingatkan peladang2 peri mustahak-nya menambahkan hasil pengeluaran beras dan lain2 makanan supaya dapat mengurangkan persandaran negeri ini kapada impot dari luar.

Pengiran Othman menggesa peladang2 supaya bekerjasama dengan kerajaan dan membarkan diri mereka di-pimpin oleh jabatan pertanian dalam usaha menjadikan negeri ini dapat mengeluarkan makanan dengan sa-chukop-nya.

Kursus pertanian itu ia-lah untuk mendampingkan pela-

dang2 kapada chara2 moden pertanian supaya dapat memperbaiki usaha2 pertanian di-negeri ini.

Persatuan Peladang Mukim Luagan Dudok telah chergas sejak beberapa bulan yang lalu.

Yang Di-Pertua Persatuan, Awang Ali bin Mokti berkata, keanggotaan dari dua buah kampong dalam mukim tersebut, ia-lah Kampong Luagan Dudok dan Kampong Santol telah meningkat kapada 70 orang termasuk 20 anggota perempuan.

## Jaga kebersihan sungai2 di-Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI — Pehak berkuasa daerah Brunei dan Muara merayu kapada orang ramai supaya menjaga kebersihan sungai2 di-daerah itu dan jangan mengotorkan-nya kerana kebaikan mereka.

Pehak berkuasa daerah menyeru orang ramai supaya jangan membuang bangkai2 bintang sampah sarap dan kotoran ka-dalam sungai.

Sa-orang juruchakap pejabat daerah berkata, ayer dari sa-tengah2 sunga i di-daerah itu ada-lah di-ambil untuk perbekalan ayer ka-kedai dan rumah2.